



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE**

**NAMA KURSUS : PENGURUSAN PENILAIAN
PRESTASI**

KOD KURSUS : DSM2173

PEPERIKSAAN : DISEMBER 2021

MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **SATU (1)** bahagian: (100 Markah)
2. Jawab SEMUA soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
3. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
 - i. Nama Penuh Pelajar
 - ii. No. Kad Pengenalan
 - iii. Seksyen Kelas
 - iv. Kod Kursus
 - v. Nama Kursus
 - vi. Nama Pensyarah
4. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
5. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Kertas soalan ini mengandungi 5 muka surat termasuk kulit hadapan

Bahagian ini mempunyai **LIMA (5)** soalan.
Jawab **semua soalan** di dalam kertas jawapan.

SOALAN 1

- a. Salah satu sumber dalam penilaian prestasi adalah maklum balas 360 darjah.
Jelaskan **lapan (8)** kebaikan daripada sumber ini.

(8 markah)

- b. Jumlah jualan syarikat Encik Rahim pada tahun 2021 mengalami kemerosotan berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Oleh yang demikian, syarikat tidak mampu membayar bonus pada tahun ini. Setelah analisis dilakukan, didapati punca kemerosotan jualan ini disebabkan oleh sistem penilaian prestasi yang tidak berkesan. Apakah yang perlu dilakukan oleh Encik Rahim bagi menambah baik sistem penilaian prestasi di syarikatnya?

(12 markah)

SOALAN 2

a. Jelaskan kaedah pengurusan melalui objektif (PMO) dalam penilaian prestasi.

(10 markah)

b. Syarikat Jaya Sdn. Bhd mempunyai empat orang pekerja di bahagian pembungkusan produk iaitu Yana, Farah, Fad dan Ena. Hasil daripada penilaian prestasi yang telah dilakukan oleh penyelia mereka, didapati bahawa;

- i. Yana mendapat skor yang paling tinggi untuk kategori kerajinan, diikuti oleh Ena dan Farah manakala Fad mendapat skor yang paling rendah untuk kategori berkenaan.
- ii. Bagi kategori kecekapan, Ena mendapat skor yang paling tinggi berbanding Yana yang mendapat skor kedua tertinggi dan diikuti oleh Farah di tempat ketiga. Manakala Fad pula mendapat skor yang paling rendah.

Anda diminta untuk menyediakan satu borang penilaian prestasi berdasarkan maklumat yang telah diberikan di atas.

(15 markah)

SOALAN 3

- a. Encik Tajudin akan melaksanakan penilaian prestasi kepada pekerjaanya pada minggu hadapan. Apakah yang boleh dilakukan oleh Encik Tajudin agar pekerjaanya dapat menerima maklum balas penilaian prestasi nanti?

(12 markah)

- b. Jamilah memberitahu penemu duga bahawa beliau seorang yang mengambil berat mengenai prestasi kerjanya. Beliau sentiasa inginkan peningkatan dari segi kemahiran dan pengetahuan dalam melaksanakan tugas yang diberikan. Jelaskan jenis temu duga penilaian prestasi yang telah digunakan oleh penemu duga terhadap Jamilah.

(8 markah)

SOALAN 4

Bagaimanakah organisasi dapat menentukan ketepatan dalam proses penilaian prestasi?

(15 markah)

SOALAN 5

- a. Afiq bekerja sebagai Pembantu Sumber Manusia. Penyelia beliau mendapati bahawa Afiq merupakan pekerja yang cemerlang dan mempunyai potensi yang bagus dalam laluan kerjaya. Cadangkan **empat (4)** aktiviti pembangunan yang boleh dirancang oleh organisasi bagi meningkatkan potensi Afiq.

(8 markah)

- b. Bagaimanakah penilaian prestasi membantu organisasi dalam penyediaan program latihan kepada pekerja?

(12 markah)

[100 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT